

Bahasa Melayu dimartabat

100,000 koleksi manuskrip, sejarah Alam Melayu dikumpul mulai Mac 2013

Sinar 4/11/13 MS AS

NORDIANA JOHARI

AYER KEROH – Sebanyak 100,000 koleksi pelbagai manuskrip dan sejarah Alam Melayu akan dikumpulkan di Pusat Kecemerlangan Persuratan Melayu Antarabangsa di Yayasan Melaka, di sini.

Antara naskah manuskrip tersebut berkaitan sejarah, perubahan, persenjataan, perjanjian politik sultan atau raja dan penghulu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, sasaran itu sebagai usaha untuk menjadikan tempat berkenaan sebagai pusat simpanan, penyelidikan dan rujukan

berkaitan hal terbabit.

Beliau berkata, usaha pengumpulan dijangka akan dimulakan mulai Mac depan.

“Pusat ini akan dijadikan sebagai bahan rujukan ilmiah kepada pengkaji bahasa, sarjana dan pelajar.

“Ia juga dijadikan tempat rujukan anggota Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) yang berjaya menyatukan beberapa rumpun Melayu di rantau Asia, China, Eropah dan Afrika,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian pusat berkenaan, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Dr Md Salleh Yaapar dan Ketua Pengarah DBP, Dr Awang Sariyan.

Menurutnya, penubuhan pusat berkenaan juga bakal memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia.

Sekaligus, katanya, dapat merealisasikan hasrat mengembalikan keagungan yang pernah menjadi bahasa ekonomi satu ketika dahulu.

“Ia dijangka akan menjadi satu mercu tanda bagi negara ini terutama dalam bidang kajian sejarah Melayu iaitu antara usaha menyaingi institusi sama ditubuhkan di Universiti Leiden, Belanda.



Awang Sariyan (dua, kanan) menyerahkan sijil penghargaan kepada Mohd Ali sempena tertubuhnya Pusat Kecemerlangan Persuratan Melayu Antarabangsa di Yayasan Melaka, semalam.